

31/12/19 - 8H

[ FOTO REUTERS ]



**Pegawai perubatan Palestin mengusung seorang lelaki yang cedera** selepas terkena bedilan tentera Israel dalam satu bantahan besar-besaran ketika menyambut ulang tahun pertama 'March of Return' di Gaza, semalam.

# Tentera Israel tembak mati pemuda Palestin bertongkat

**Fakta nombor**

**20 ORANG** terbunuh terkena serpihan peluru

**Gaza:** Seorang penduduk Palestin ditembak mati tentera Israel di sempadan Gaza semalam, kata kementerian kesihatan wilayah itu, beberapa jam menjelang berlangsungnya protes besar-besaran.

Kementerian berkata, Mohammed Saad, 20 terbunuh selepas terkena serpihan peluru yang dilepaskan tentera Israel di timur bandar Gaza.

Difahamkan kumpulan penunjuk perasaan sudah mula berhimpun di

lokasi terbabit sehari sebelum perhimpunan besar-besaran.

**Dikawal ketat**

Menurut saksi, mangsa yang bertongkat akibat kecederaan terdahulu itu berada lebih 100 meter dari sempadan yang dikawal ketat ketika terkena tembakan. Jurucakap tentera Israel enggan mengulas lanjut ketika dihubungi media.

Beribu-ribu penunjuk perasaan ber-

himpun semalam di beberapa lokasi di sepanjang sempadan Gaza-Israel, setahun selepas bermulanya protes besar-besaran menuntut hak pelarian Palestin untuk kembali ke kediaman mereka yang diduduki Israel.

Sekurang-kurangnya 259 rakyat Palestin terbunuh akibat serangan Israel sejak protes bermula, kebanyakannya di sepanjang sempadan. Dua tentera Israel turut terbunuh.

**AFP**